

Takyif Jenayah Penculikan Dalam Perundangan Islam

The Legal Classification of Kidnapping in Islamic Law

Ahmad Bin Ismail (Corresponding author)

Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia, ahmadismail@kuips.edu.my

Atif Bin Che Adnan

Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia, atifadnan@kuips.edu.my

Nor Syahirah Binti Zaidi

Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia, 0212103021@student.kuips.edu.my

Article

Progress:

Submission date:

1 Dec 2024

Accepted date:

20 Dec 2024

ABSTRACT

This study aims to reevaluate the concept and punishment for the crime of kidnapping within the context of Islamic law. Although kidnapping is a serious and escalating issue in many countries, there are inaccuracies in categorizing this crime according to Islam in existing studies. Therefore, this study seeks to reassess that categorization. The methodology used to complete this article is based on a qualitative approach. All data were obtained through document analysis by reviewing research papers and relevant classical Islamic texts. At the end of the study, the researchers found that kidnapping falls under the crime punishable by hudud (hirabah) if it is committed with a hirabah-related motive. However, if the motive does not align with the characteristics of hirabah, the punishment would be discretionary (ta'zir).

Keywords: Legal Classification, Kidnapping, Law, Islam

PENDAHULUAN

Penculikan merupakan satu perbuatan yang dianggap sebagai salah satu bentuk ketidakadilan, atau perampasan hak kebebasan dan kemerdekaan hidup seseorang. Penculikan dalam undang-undang jenayah merujuk kepada membawa lari seseorang dengan paksaan tanpa kerelaannya atau izin yang sah, ini termasuk menyembunyikan seseorang dengan menggunakan kekerasan dengan cara yang tidak dibenarkan undang-undang (Noor-Mohamed, 2013), ia adalah satu jenayah yang tidak asing lagi bagi masyarakat kita khususnya jenayah penculikan kanak-kanak. Jenayah ini hadir dengan pelbagai motif, antaranya demi keuntungan seperti seseorang diculik dengan bertujuan untuk menakut-nakutkan pihak keluarga mangsa sehingga mereka perlu menyediakan wang sebagai pertukaran untuk pembebasan orang yang diculik, terdapat juga jenayah penculikan perempuan dengan niat untuk perkahwinan paksa, pemerdagangan manusia, organ dan lain-lain motif.

Jenayah ini dapat memberi kesan buruk kepada beberapa pihak seperti mangsa penculikan itu sendiri, pasangannya, keluarganya atau rakan sekerjanya dan termasuklah masyarakat yang akan merasa tidak aman dengan tindakan si penculik. Kajian di Nigeria menunjukkan bahawa penculikan bermotifkan tebusan memberikan kesan psikologi dan fizikal yang signifikan kepada mangsa dan tindakan rawatan perlu diambil bagi mengelakkan trauma (Ko, 2013).

Penculikan boleh dilakukan oleh individu secara bersendirian, secara berkumpulan, berorganisasi malahan oleh sebuah kerajaan. Sebagai contoh, di Nigeria, sebuah kumpulan pemberontak Boko Haram didakwa turut terlibat dalam jenayah penculikan selain serangan bersenjata dan serangan bom bunuh diri (Kunock, 2020).

Terdapat perbezaan diantara penculikan dan memperdayakan orang untuk melarikan diri. Hal ini adalah kerana penculikan lebih kepada perbuatan melarikan dengan kekerasan atau tanpa izin yang sah, adapun jika seseorang itu mendorong mana-mana orang supaya pergi dari sesuatu tempat atau dengan apa-apa cara perdayaan, ia tidak boleh dianggap sebagai penculikan. Penulisan ini akan memfokuskan perbahasan tentang penculikan sahaja, ia merangkumi perbahasan tentang *takyif* jenayah penculikan dalam syariah islam serta peruntukan undang-undang sedia ada di Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai kembali konsep dan hukuman jenayah penculikan dalam konteks undang-undang Islam. Meskipun jenayah penculikan adalah satu isu yang serius dan semakin meningkat di banyak negara, terdapat kekurangan dalam kajian yang sedia ada, terutama dalam ketidaktepatan dalam mengkategorikan jenayah penculikan sebagai *hirabah* secara mutlak.

Dalam beberapa kajian, jenayah penculikan sering kali dikategorikan sebagai *hirabah* (jenayah yang membawa ancaman terhadap keselamatan umum) secara mutlak seperti kajian Farida Haid (2018) dan Abdul Wahhab Abdullah (2003). Namun, pendekatan ini dianggap tidak tepat kerana tidak semua kes penculikan membawa ancaman yang sama seperti yang dijelaskan dalam konteks *hirabah*. *Hirabah* merujuk kepada tindakan keganasan yang dilakukan untuk menimbulkan ketakutan dan kekacauan umum, seperti rompakan bersenjata atau serangan pengganas. Sebaliknya, penculikan boleh berlaku atas pelbagai sebab, termasuk motif peribadi, tuntutan tebusan, atau paksaan dalam hubungan peribadi, yang mungkin tidak membawa ancaman yang sama kepada keselamatan umum seperti yang ditakrifkan dalam *hirabah*.

Ringkasnya, artikel ini akan menjadi sumber rujukan utama berbahasa Melayu yang mengkaji semula konsep dan kategori jenayah penculikan dalam undang-undang Islam, dengan harapan lebih banyak kajian lain berbahasa Melayu akan menyusul. Selain itu, artikel ini akan menilai semula ketepatan mengkategorikan penculikan sebagai *hirabah* secara mutlak, dengan mempertimbangkan konteks dan motif yang berbeza dalam kes-kes penculikan.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi penulisan yang digunakan untuk menyelesaikan artikel ini adalah berdasarkan kualitatif. Semua data diperoleh dengan menganalisis dokumen menerusi analisis ke atas kertas-kertas kajian berkaitan dan kitab-kitab klasik. Data-data yang diperoleh diulas berdasarkan pendekatan deskriptif, induktif, dan juga komparatif.

SOROTAN LITERATUR

Penculikan merupakan satu jenayah yang kompleks dan pelbagai, dengan motif dan impak yang berbeza-beza. Kajian tentang penculikan telah banyak ditulis secara amnya berdasarkan tema-tema dan aspek yang pelbagai, terdapat juga kajian yang ditulis secara am tanpa menfokuskan aspek tertentu.

Dua penulisan yang agak umum berkenaan jenayah ini ditulis oleh Michael Newton dalam bukunya *The Encyclopedia of Kidnapping* serta Diana M. Concannon dengan bukunya *Kidnapping: An Investigator's Guide to Profiling*. "The Encyclopedia of Kidnapping" oleh Michael Newton adalah sebuah buku yang menyediakan panduan komprehensif mengenai kes penculikan yang terkenal dan bersejarah. Buku ini merangkumi pelbagai insiden penculikan dari seluruh dunia, memberikan maklumat terperinci mengenai modus operandi, motif, dan akibat penculikan. Newton menyusun insiden-insiden ini dalam bentuk ensiklopedia, membolehkan pembaca mencari maklumat mengenai kes tertentu dengan mudah. Selain itu, buku ini juga meneliti profil penculik dan mangsa, serta langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa untuk menyelesaikan kes-kes ini. Buku ini merupakan sumber rujukan penting bagi mereka yang berminat untuk memahami jenayah penculikan dan sejarahnya.

Buku Diana M. Concannon pula bertujuan menjadi panduan yang menyeluruh bagi penyiasat yang menangani kes penculikan. Buku ini menyediakan strategi dan teknik untuk memprofilkan penculik, memahami tingkah laku mereka, dan meramalkan tindakan mereka selanjutnya. Concannon menggunakan kajian kes dan teori psikologi untuk membantu penyiasat mengenal pasti ciri-ciri dan motif penculik. Buku ini juga membincangkan aspek-aspek kritikal dalam penyiasatan penculikan seperti rundingan tebusan, dinamik mangsa-penculik, dan

pengurusan krisis. Dengan pendekatan yang praktikal dan berdasarkan bukti, buku ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan penyiasat dalam menyelesaikan kes penculikan dengan lebih berkesan.

Selain daripada penulisan ini, kajian tentang penculikan juga hadir dalam bentuk yang lebih spesifik, antaranya kajian Morewitz (2019) yang meneliti hubungan antara penculikan dan jenayah-jenayah lain seperti carjacking, rompakan, dan pembunuhan. Ini menunjukkan bahawa penculikan sering berlaku sebagai sebahagian daripada rangkaian jenayah yang lebih luas.

Dari aspek motif penculikan, Newton (2002) telah menyoroti pelbagai tujuan penculikan, termasuk keuntungan kewangan, politik, dan keagamaan. Surtees et al. (2019) mendapati bahawa di London, motif penculikan bervariasi, dengan banyak kes berkaitan dengan geng atau isu domestik. Penculikan untuk tebusan, seperti yang dibincangkan oleh Ko (2013) juga merupakan satu bentuk penculikan yang lazim, terutamanya di negara-negara seperti Colombia (Ordoñez et al., 2008). Penculikan politik juga merupakan satu kategori penting, di mana penculikan dilakukan untuk menunjukkan kelemahan kerajaan, menarik perhatian, atau menuntut pembebasan anggota kumpulan (Concannon, 2013). Malik et al. (2022) dan Oyewole & Ekpo (2024) mengetengahkan bentuk-bentuk penculikan yang lebih khusus dan mengejutkan, termasuk penculikan untuk tujuan fornication, perdagangan manusia, dan ritual mistik.

Terdapat juga kajian yang mengkaji profil penjenayah penculikan dan trend jenayah, di mana Liu et al. (2008) mendapati bahawa penculik lebih cenderung terlibat semula dalam penculikan berbanding penjenayah jenayah serius lain. Soothill et al. (2007) juga membuktikan hal ini di mana menurut kajiannya sekitar separuh daripada lelaki (51.1%) dan septiga daripada wanita (36.6%) yang disabitkan dengan kesalahan penculikan pada tahun 2001 mempunyai sabitan sebelumnya mempunyai rekod penculikan lebih daripada satu kali. Kajiannya juga menunjukkan pola peningkatan yang dramatik dalam jumlah kes penculikan yang direkodkan oleh polis selama 25 tahun terakhir, namun peningkatan ini tidak diikuti dengan peningkatan yang sama dalam sabitan.

Antara aspek yang kurang dikaji dalam jenayah ini adalah kesan yang dibawa jenayah kepada mangsa. Ko (2013) menerusi kajiannya menekankan wujudnya kesan psikologi dan fizikal yang signifikan pada mangsa penculikan untuk tebusan. Hal ini boleh menyebabkan trauma kepada mangsa dalam tempoh masa yang panjang dan langkah intervensi perlu dilakukan oleh pengamal perubatan.

Dari sudut pandang Islam, terdapat kajian Abdul Wahhab Abdullah Ahmed Al Ma'mari (2003) dalam kajiannya “Jenayah Penculikan, Peruntukan Am Dan Khas Serta Jenayah Yang Berkaitan” dan Dr Farida Haid (2018), dalam kajiannya ‘Hukum penculikan dalam syariat islam’ menyebutkan bahawa jenayah penculikan ialah jenayah yang merangkumi pelbagai cara atau bentuk yang menjelaskan keselamatan fizikal manusia dan mengancam kebebasan dan keselamatan mereka. Banyaknya bentuk jenayah penculikan menjadikannya jenayah *Hirabah* dalam istilah syara’ kerana penculik itu tidak lain hanyalah seorang perosak di bumi dengan membunuh manusia dan menganas terhadap mereka. Tujuan hukuman bagi jenayah hudud dalam undang-undang Islam adalah untuk memelihara dan menjaga ketenteraman masyarakat.

Kajian literatur ini menunjukkan bahawa jenayah penculikan merangkumi pelbagai bentuk, motif, dan impak. Dari penculikan predatori hingga penculikan untuk ritual, fenomena ini terus menjadi satu cabaran yang kompleks bagi masyarakat dan penguatkuasa undang-undang. Penyelidikan lanjut diperlukan untuk lebih memahami trend terkini, strategi pencegahan yang berkesan, dan cara-cara untuk menyokong mangsa penculikan, namun kajian ini hanya menfokuskan kepada takyif jenayah penculikan menurut Islam kerana aspek ini perlu diteliti dengan lebih mendalam bagi menentusahkan kajian lepas yang telah menetapkan ianya adalah jenayah *Hirabah*.

DAPATAN KAJIAN

Jenayah penculikan adalah salah satu bentuk jenayah yang paling mengejutkan dan merisaukan masyarakat di seluruh dunia. Penculikan melibatkan pengambilan seseorang secara paksa, tanpa izin, biasanya untuk tujuan tebusan, politik, atau seksual. Kajian ini merangkumi beberapa aspek utama jenayah penculikan termasuk definisi, motif, kesan kepada mangsa, serta pendekatan undang-undang Malaysia dan *takyif* Islam terhadap jenayah ini.

Definisi Penculikan

Penculikan didefinisikan sebagai penahanan seseorang tanpa izin melalui kekerasan, ancaman, atau tipu daya. *Kidnapping* dan *abduction* sering digunakan secara silih ganti, tetapi terdapat perbezaan konteks antara kedua istilah ini. *Kidnapping* lebih sering dikaitkan dengan motif tebusan atau politik, manakala *abduction* merangkumi pengambilan paksa tanpa tujuan yang jelas (Liu, Francis, & Soothill, 2008).

Motif Jenayah Penculikan

Jenayah penculikan dilakukan atas pelbagai motif, termasuk keuntungan kewangan, politik, keagamaan, psikologi, dan keseronokan peribadi, ia juga boleh berlaku dengan kombinasi motif yang berbeza. **Michael Newton** dalam "The Encyclopedia of Kidnappings" menyatakan bahawa dalam sejarah, penculikan telah dilakukan untuk pelbagai tujuan, motif kewangan adalah yang paling biasa, di mana ia melibatkan tuntutan tebusan daripada keluarga atau individu kaya. Di Nigeria jenayah penculikan pelajar sekolah dipengaruhi oleh pengangguran belia yang tinggi sehingga menyebabkan mereka bertindak menjadikan wang tebusan jenayah penculikan sebagai pendapatan (Ologole & Abolaji, 2022).

Penculikan dengan motif politik juga berlaku, di mana penculikan digunakan untuk mendapatkan kelebihan kuasa politik, menurut **Diana M. Concannon**, penculikan bermotif politik dilakukan dengan pelbagai sebab, antaranya untuk menunjukkan kelemahan kerajaan, menarik perhatian kepada sesuatu isu, menyebabkan kekacauan awam, atau menuntut pembebasan anggota kumpulan yang dipenjarakan (Concannon, 2013).

Sebab-sebab peribadi termasuk dendam, pertikaian hak penjagaan, dan paksaan dalam hubungan peribadi juga boleh menjadi faktor penculikan. Dalam satu kes yang masyhur berlaku pada tahun 2021, seorang lelaki, Zahir Jaffer telah dijatuhkan hukuman mati apabila disabitkan bersalah menculik, merogol dan membunuh Noor Muqqadam kerana enggan menerima lamarannya (The Tribune, 2022).

Motif psikologi penculik turut terlibat seperti penculik ingin mencari perhatian atau memenuhi kepercayaan delusi atau fantasi penculik, ini seperti yang berlaku di Nigeria di mana berlaku peningkatan penculikan untuk tujuan ritual yang didorong oleh kepercayaan terhadap kuasa mistik darah atau bahagian tubuh manusia untuk mencapai kekayaan dan kuasa (Oyewole & Ekpo, 2024). **Stephen J. Morewitz** menambah bahawa seseorang wanita yang berfantasi mempunyai anak turut berpotensi menculik wanita mengandung yang lain dan mendapatkan janin wanita tersebut melalui pembedahan caesarean , namun penculikan jenis ini turut boleh dilakukan dengan motif kewangan atau motif politik (Morewitz, 2019). Kajian Ologole & Abolaji (2022) turut mengaitkan kepercayaan agama yang salah dan ekstrim sebagai faktor penculikan.

Motif-motif penculikan yang berbeza ini sebenarnya turut dipengaruhi oleh ekonomi dan persekitaran sesuatu tempat, sebagai contoh, motif penculikan di London bervariasi dengan 40.5% berkaitan dengan geng, jenayah, atau dadah dan 21% berkaitan dengan isu domestik atau

keluarga (Surtees et al., 2019). Di Colombia, negara yang mempunyai statistik penculikan yang tertinggi di dunia, motif penculikan utama adalah pembiayaan kumpulan pemberontak (Ordoñez et al., 2008). Di New South Wales, kajian Fitzgerald dan People (2006) mendapatkan bahawa motif utama penculikan adalah keinginan seksual (35%), rompakan (29%), dan balas dendam (24%). Variasi dalam statistik motif jenayah penculikan mengikut tempat ini menunjukkan kepentingan pendekatan berbeza dalam penyiasatan dan pencegahan jenayah ini dari berlaku di sesuatu tempat oleh pihak berkuasa. Pihak berkuasa juga perlu lebih mengawasi pesalah jenayah penculik kerana kajian menunjukkan bahawa penculik lebih cenderung untuk terlibat semula dalam jenayah penculikan berbanding pesalah jenayah serius lain seperti pembunuhan atau rogol (Liu et al., 2008).

Di Malaysia, motif jenayah penculikan dapat dijelaskan melalui beberapa faktor utama berdasarkan beberapa kajian-kajian yang telah dijalankan. Salah satu motif utama penculikan adalah untuk mendapatkan tebusan. Kajian oleh Hamid dan Dollah (2021) mendapatkan bahawa kawasan Pantai Timur Sabah, Malaysia merupakan antara lokasi yang sering menjadi sasaran penculikan untuk tujuan meminta tebusan. Penjenayah-penjenayah ini memanfaatkan kelemahan sistem keselamatan di kawasan tersebut untuk melakukan aktiviti penculikan. Peranan Angkatan Tugas Bersama 2 (ATB2) dilihat amat penting dalam memastikan keselamatan di kawasan tersebut (Hamid & Dollah, 2021).

Selain itu, motif lain penculikan adalah berkaitan dengan isu penjagaan kanak-kanak. Kajian oleh Salleh (2015) dan Hamid & Kamaruddin (2018) mendapatkan bahawa isu penculikan ibu bapa terhadap anak-anak mereka merupakan satu masalah yang serius di Malaysia. Undang-undang domestik Malaysia dilihat masih belum mencukupi untuk menangani isu ini dengan berkesan. Oleh itu, cadangan telah dikemukakan untuk meminda Akta Kanak-Kanak 2001 bagi mengukuhkan rejim perundangan yang mengawal isu penculikan ibu bapa terhadap anak-anak (Salleh, 2015; Hamid & Kamaruddin, 2018).

Secara keseluruhannya, motif utama jenayah penculikan di Malaysia tidak mempunyai perbezaan ketara dengan motif penculikan di seluruh dunia kerana ia boleh dirangkumkan ke dalam motif biasa seperti motif kewangan untuk mendapatkan tebusan dan motif peribadi seperti isu penjagaan kanak-kanak.

Profil Mangsa Penculikan

Kajian dan data yang ada menunjukkan pola tertentu dalam profil mangsa penculikan serta karakteristik demografik mangsa. Kajian oleh Kennedy dan Whitehouse (1992) menunjukkan

bahawa dalam 16 kajian kes penculikan yang mereka kaji, kebanyakan mangsa penculikan dewasa adalah Wanita kecuali dua orang, manakala semua pelaku adalah lelaki.

Ini dikuatkan lagi dengan Kajian oleh Hamby et al. (2013) dalam National Survey of Children's Exposure to Violence (NatSCEV) menunjukkan bahawa kebanyakan jenayah penculikan dan seksual melibatkan lelaki sebagai pemangsa dan perempuan sebagai mangsa.

Berdasarkan kajian Concannon (2013), penculikan yang bermotifkan seksual acap kali melibatkan mangsa perempuan yang tidak mempunyai hubungan sebelumnya dengan penculik dan mangsa biasanya diculik di tempat-tempat awam yang tidak terhad aksesnya. Penjenayah juga biasanya berseorangan dan kebanyakan mangsa selamat dalam tempoh kurang daripada 24 jam. Bagi kanak-kanak, mangsa sering kali adalah perempuan dan penculik menggunakan kekerasan, ancaman lisan, atau tipu daya. Kebanyakan mangsa kanak-kanak juga selamat daripada penculikan tersebut (Concannon, 2013).

Dari sudut hubungan penculik-mangsa, kajian oleh Fitzgerald dan People (2006) mendapati bahawa 43% daripada jenayah penculikan yang dikaji mereka di New South Wales dilakukan oleh orang yang tidak dikenali mangsa, bermakna baki sebahagian besar penculikan adalah dilakukan oleh pelaku yang dikenali oleh mangsa.

Perundangan Berkanaan Penculikan di Malaysia

Di Malaysia, jenayah penculikan adalah di bawah bidang kuasa persekutuan di Malaysia dan dikawal oleh undang-undang Persekutuan. Walau bagaimanapun, terdapat juga enakmen negeri yang boleh menyentuh aspek-aspek tertentu jenayah ini, terutamanya yang berkaitan dengan undang-undang syariah atau adat tempatan. Sebagai contoh, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam beberapa negeri mungkin mempunyai enakmen yang mengawal selia penculikan dalam konteks hak penjagaan anak dalam undang-undang keluarga Islam, namun ia hanya terhad kepada konteks hak penjagaan anak dan mungkin lebih sesuai disebut sebagai dibawa lari.

Secara amnya, akta yang meregulasi jenayah penculikan di Malaysia adalah Akta Penculikan 1961 (Akta 365), akta ini telah dipinda beberapa kali, antaranya pada tahun 1967, 1970, 1974 tahun 1989 dan tahun 1995 melalui Akta A910.

Jenayah penculikan juga ada diregulasi di bawah Kanun Keseksaan melalui Seksyen 359 hingga 369. Namun begitu, terdapat juga peruntukan yang mungkin boleh dikaitkan dengan jenayah penculikan iaitu seksyen 339 berkaitan halangan salah dan seksyen 340 berkaitan pengurungan salah kerana penculikan selalunya berkait dengan pengurungan. Malahan definisi

halangan salah, pengurungan secara salah dan penculikan dalam Seksyen 2 Akta Penculikan 1961 juga adalah berdasarkan seksyen 339, 340 dan 362 Kanun Keseksaan. Ringkas kata, akta ibu bagi jenayah penculikan adalah Akta Penculikan 1961 yang mana menurut akta tersebut, penculik boleh dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup, dan jika tidak dihukum mati, dia juga perlu disebat.

Berdasarkan Seksyen 359-361 Kanun Keseksaan, penculikan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

1. Menculik dari Malaysia
2. Penculikan dari penjagaan yang sah di sisi undang-undang

Seseorang yang menculik seseorang dari Malaysia dianggap menculik dari Malaysia jika dia memaksa seseorang keluar dari Malaysia tanpa kebenaran orang itu atau kebenaran seseorang yang berkuasa di sisi undang-undang. Selain itu, menculik dari penjagaan yang sah di sisi undang-undang ialah sesiapa yang mengambil atau memikat mana-mana kanak-kanak lelaki yang berumur kurang daripada empat belas tahun atau perempuan yang berumur kurang daripada enam belas tahun atau mana-mana orang yang tidak sempurna akal dari penjaga yang sah di sisi undang-undang tanpa kerelaan penjaga itu. Mana-mana individu yang ditugaskan untuk memelihara atau menjaga budak atau orang itu dianggap sebagai "penjaga yang sah di sisi undang-undang" dalam seksyen ini.

Namun apabila diteruskan pembacaan dalam seksyen-seksyen berikutnya, spesifiknya seksyen 364-369, penculikan dibahagikan kepada beberapa jenis berdasarkan tujuan penculikan tersebut, dan setiap jenis memiliki hukuman yang berbeza. Berikut adalah ringkasan jenis penculikan, hukumannya, serta seksyen punca kuasa yang relevan:

1. Penculikan dari Malaysia (Seksyen 360)

- **Definisi:** Tindakan membawa seseorang keluar dari Malaysia tanpa persetujuannya atau tanpa izin sah.
- **Hukuman:** Penjara hingga 7 tahun dan boleh dikenakan denda (disebutkan dalam Seksyen 363).

2. Penculikan dari Penjagaan Sah (Seksyen 361)

- **Definisi:** Mengambil atau menahan seseorang yang berada di bawah penjagaan sah orang lain (seperti ibu bapa atau penjaga) tanpa izin sah.

- **Hukuman:** Penjara hingga 7 tahun dan boleh dikenakan denda (disebutkan dalam Seksyen 363).

3. Penculikan bagi Tujuan Bunuh (Seksyen 364)

- **Definisi:** Penculikan dengan tujuan untuk meminta tebusan atau untuk membunuh, menyebabkan kecederaan berat, atau menakutkan.
- **Hukuman:** Hukuman mati, atau penjara sehingga 30 tahun berserta sebat.

4. Penculikan bagi Tujuan Mengurung (Seksyen 365)

- **Definisi:** Penculikan seseorang dengan maksud untuk menyebabkan seseorang itu dikurung dengan sulit dan dengan salah.
- **Hukuman:** Penjara hingga 7 tahun dan boleh dikenakan denda.

5. Penculikan bagi Tujuan Prostitusi/ Perkahwinan Paksa (Seksyen 366)

- **Definisi:** Penculikan seseorang dengan maksud untuk mengadakan hubungan seks secara paksa atau untuk tujuan pelacuran atau untuk menikah dengan mana-mana orang secara paksa.
- **Hukuman:** Penjara hingga 10 tahun dan boleh dikenakan denda.

6. Penculikan untuk Mencederakan atau Menjadikan Buruh Paksa (Seksyen 367)

- **Definisi:** Penculikan seseorang dengan tujuan mencederakan atau untuk kerja paksa atau untuk memuaskan nafsu luar tabii.
- **Hukuman:** Penjara hingga 10 tahun dan boleh juga dikenakan sebat.

7. Bersubahat dalam Penculikan (Seksyen 368)

- **Definisi:** Secara salah menahan atau menyembunyikan seseorang yang diculik.
- **Hukuman:** Hukumannya seperti penculik.

8. Menculik kanak-kanak bagi mengambil alih harta (Seksyen 369)

- **Definisi:** Sesiapa yang menculik kanak-kanak kurang daripada 10 tahun daripada dengan tujuan mengambil harta dari kanak-kanak tersebut.
- **Hukuman:** Penjara hingga 7 tahun dan boleh dikenakan denda.

Walaupun seksyen-seksyen dalam Kanun Keseksaan Malaysia mengenai penculikan ini dilihat seperti bertindih dengan Akta Penculikan 1961 (Akta 365), keduanya mempunyai tujuan yang serupa tetapi beroperasi dalam konteks yang berbeza dan boleh melengkapi antara satu sama lain. Berikut adalah perbandingan untuk memahami bagaimana kedua-duanya berfungsi bersama:

Item	Kanun Keseksaan	Akta Penculikan 1961
Sifat Am	Kanun Keseksaan (Penal Code) memberi definisi dan menetapkan hukuman untuk pelbagai jenis penculikan serta kesalahan berkaitan penculikan dalam Seksyen 359 hingga 369. Hukuman yang dinyatakan adalah untuk pelbagai situasi termasuk penculikan untuk tebusan, penculikan dari penjagaan sah, penculikan untuk tujuan pengurungan, prostitusi, kahwin paksa dan lain-lain.	Akta Penculikan 1961 adalah undang-undang khusus yang memperuntukkan hukuman yang lebih berat dan proses undang-undang yang lebih ketat untuk keskes penculikan, khususnya yang melibatkan tebusan.
Hukuman	Berbeza mengikut tujuan penculikan	Penculik boleh dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup, dan jika tidak dihukum mati, dia juga perlu disebat.
Ciri-ciri khas	<ul style="list-style-type: none"> • Keterangan Jenis Penculikan Merangkumi spektrum luas jenis penculikan dan hukuman untuk kesalahan tersebut. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hukuman Lebih Berat: Akta 365 memperuntukkan hukuman yang lebih berat, termasuk hukuman mati atau penjara seumur hidup dan sebatan bagi kes penculikan untuk tebusan. Ini berfungsi sebagai pencegahan yang kuat. • Prosedur Perundangan Khas: Menetapkan prosedur khas dan lebih ketat untuk pengadilan kes-kes

	<p>penculikan, memastikan proses yang lebih cepat dan efektif.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penguatkuasaan yang Lebih Kuat: Memberikan kuasa tambahan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat dan mendakwa kes-kes penculikan, termasuk kuasa untuk membekukan akaun bank dan memintas komunikasi. • Pelaporan dan Pencegahan: Memperkuatkan aspek pelaporan dan pencegahan penculikan, dengan kewajipan melaporkan kepada polis dan melindungi pemberi maklumat.
--	---

Daripada perbandingan ini, didapati Akta 365 berfungsi melengkapi Kanun Keseksaan dengan membawa perincian lebih mendalam yang mungkin boleh menjadi langkah pencegahan lebih berkesan kepada jenayah penculikan. Ini dapat dilihat apabila akta ini memberikan kuasa untuk membekukan akaun bank pihak yang terlibat dengan penculikan (Seksyen 7), pemberian kuasa kepada pihak berkuasa untuk memperolehi maklumat berkaitan jenayah walaupun melalui pintasan komunikasi (Seksyen 8,9,10). Perkara ini tidak disebut dalam kanun keseksaan, hal ini mewujudkan punca kuasa yang lebih utuh untuk pihak berkuasa dalam mencegah dan menangani jenayah penculikan.

Dalam amalan, jika satu kes penculikan berlaku, pihak pendakwaan boleh memilih untuk mendakwa pesalah di bawah Kanun Keseksaan atau Akta Penculikan 1961, bergantung

kepada keseriusan dan sifat kesalahan. Pilihan ini memberikan fleksibiliti kepada sistem undang-undang untuk memastikan hukuman yang tepat dan sesuai dikenakan bagi setiap kes penculikan.

Ringkasnya, jenayah penculikan adalah masalah serius yang memerlukan pendekatan pelbagai disiplin untuk pencegahan dan penanganan. Kajian mendalam mengenai motif, kesan kepada mangsa, dan pendekatan undang-undang adalah penting untuk memahami dan mengurangkan insiden penculikan. Perlindungan dan pemulihan mangsa juga harus diberi penekanan utama dalam usaha menentang jenayah ini.

Penculikan Dalam Islam

Peningkatan kadar jenayah merupakan isu yang serius dalam masyarakat, ia boleh dikembalikan kepada banyak faktor, malahan faktor seperti kurangnya pendidikan agama dalam kalangan kanak-kanak juga dikaitkan dengan peningkatan jenayah (Afendi, 2023). Selain itu, terdapat kajian yang menunjukkan hubungan antara pengangguran dengan tingkah laku jenayah di kalangan pesalah muda (Hassan & Minggo, 2022).

Bagi mengurangkan kadar jenayah, pelaksanaan hukum Islam dilihat sebagai langkah yang paling ampuh dan berkesan, namun ia hadir dengan cabaran kerana pelaksanaan undang-undang jenayah syariah sering menjadi perdebatan di kalangan masyarakat Islam di Malaysia (Zakaria & Nasohah, 2019). Tambahan pulajenayah penculikan secara nasnya tidak diletakkan dalam mana-mana jenayah yang dikenakan hukuman Hudud atau Qisas. Hal ini menimbulkan persoalan kerana penanganan jenayah memerlukan ketegasan syariat yang tidak hanya berlaku semasa jenayah berlaku tetapi juga melibatkan pembelaan seadilnya (Sabri, 2022), maka seseorang tidak boleh dihukum dengan hukuman yang ditetapkan oleh Allah SWT melainkan terbukti bahawa dia melakukan jenayah yang ditetapkan hukumannya oleh Allah SWT.

Penjelasan dalam Bahasa Arab disebut sebagai **خطف** yang berasal dari perkataan *khatafa/khatifa*, dari sudut bahasa, ia bermakna menarik sesuatu dan mengambilnya dengan cepat, atau merampas dan mencurinya (Ibn al-Manzur, 1994). Perkataan ini datang dalam Al-Quran dengan pelbagai bentuk dan variasi makna, seperti firman Allah SWT:

Bil	Ayat	Maksud
1.	<p>﴿يَكُادُ الْرُّقُ يَخْطُفُ أَبْصَرَهُمْ كُلَّمَا أَضَاءَ آهُمْ مَّشَوْ فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾ [البقرة: 20]</p> <p>Maksudnya: «Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan mereka; tiap-tiap kali kilat itu menerangi mereka (dengan pancarannya), mereka berjalan dalam cahayanya. Dan apabila gelap menyelubungi mereka, berhentilah mereka (menunggu dengan bingungnya). Dan sekiranya Allah menghendaki, nescaya dihilangkanNya pendengaran dan penglihatan mereka; sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu(20)»</p>	Menyambar
2.	<p>﴿وَإِذْ كُرُوا إِذْ أَنْتُمْ قَلِيلٌ مُّسْتَضْعِفُونَ فِي الْأَرْضِ تَخَافُونَ أَنْ يَتَخَطَّفَكُمُ الْثَّاَسُ فَأَوْلَكُمْ وَأَيَّدَكُمْ بِنَصْرِهِ وَرَزَقَكُمْ مِّنَ الظِّيَابِتِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ﴾ [الأنفال: 26]</p> <p>Maksudnya: «Dan ingatlah ketika kamu sedikit bilanganmu serta tertindas di bumi, kamu takut orang-orang menangkap dan melarikan kamu, maka Allah memberi kamu tempat bermustautin dan diperkuatkanNya kamu dengan pertolonganNya, serta dikurniakanNya kamu dari rezeki yang baik-baik, supaya kamu bersyukur(26)»</p>	Menangkap dan melarikan
3.	<p>﴿حُنَفَاءَ لِلَّهِ غَيْرُ مُشْرِكِينَ بِهِ وَمَنْ يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَكَانَمَا حَرَّ مِنَ السَّمَاءِ فَتَخْطُفُهُ الْطَّيْرُ أَوْ تَهُوِي بِهِ الرِّيحُ فِي مَكَانٍ سَحِيقٍ﴾ [الحج: 31]</p> <p>Maksudnya: «(Amalkanlah perkara-perkara itu) dengan tulus ikhlas kepada Allah, serta tidak mempersekuatkan sesuatu pun denganNya; dan sesiapa yang mempersekuatkan sesuatu yang lain dengan Allah maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar oleh burung atau dihumbankan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinaaskan)(31)»</p>	Disambar

<p>4.</p> <p>﴿وَقَالُوا إِنَّنِي شَيْعُ الْهَمَدَى مَعَكُمْ تُتَخَطَّفُ مِنْ أَرْضِنَا أَوْ لَمْ يُمَكِّنْ لَهُمْ حَرَمًا إِذَا مَا نَحْنُ بِهِ شَرِيكٌ لِّكُلِّ شَيْءٍ وَرِزْقًا مِّنْ لَدُنَّا وَلَا كُنَّ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ﴾ [القصص: 57]</p> <p>Maksudnya: «Dan mereka (yang kafir) berkata: "Kalau kami menyertaimu menurut petunjuk yang engkau bawa itu, nescaya kami dengan serta merta ditangkap dan diusir dari negeri kami (oleh golongan yang menentang)". Mengapa mereka (berkata demikian)? Bukankah kami telah melindungi mereka dan menjadikan (negeri Makkah) tempat tinggal mereka sebagai tanah suci yang aman, yang dibawa kepadanya hasil tanaman dari segala jenis, sebagai rezeki pemberian dari sisi Kami? (Benar, Kami telah menjadikan semuanya itu), tetapi kebanyakan mereka tidak memikirkan perkara itu untuk mengetahuinya (serta bersyukur)(57)»</p>	<p>Ditangkap</p>
<p>5.</p> <p>﴿أَوْ لَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا إِذَا مَا نَحْنُ بِهِ شَرِيكٌ لِّكُلِّ شَيْءٍ وَنَحْنُ مَنْ حَوْلُهُمْ أَفَإِلَّا بَطِلٌ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَةِ اللَّهِ يَكُفُّرُونَ﴾ [العنكبوت: 67]</p> <p>Maksudnya: «Dan tidakkah mereka melihat dan memerhatikan bahawa Kami telah menjadikan (Makkah, negeri mereka) tanah suci yang dihormati, lagi aman; sedang orang-orang ramai yang tinggal (dalam daerah-daerah) di sekeliling mereka sentiasa diculik (untuk ditawan atau dibunuh) ? Oleh itu, patutkah mereka percaya kepada perkara yang salah, dan kufur ingkar akan nikmat-nikmat Allah?(67)»</p>	<p>Diculik</p>
<p>6.</p> <p>﴿إِلَّا مَنْ خَطَّافَ الْحُظْفَةَ فَأَتَبَعَهُ وَشَهَابٌ ثَاقِبٌ﴾ [الصفات: 10]</p> <p>Maksudnya: «Kecuali sesiapa di antara Syaitan-syaitan itu yang curi mendengar mana-mana percakapan (malaikat), maka ia diburu dan diikuti (dengan rejaman) api yang menjulang lagi menembusi(10)»</p>	<p>Mencuri</p>

Berdasarkan jadual diatas, didapati bahawa *khatafa/khatifa* dan *musytaqqat* bagi perkataan itu tidak lari dari makna mengambil sesuatu tanpa keizinan dan dengan cara yang pantas yang mana ia adalah elemen utama jenayah penculikan, maka tidak pelik digunakan perkataan ini untuk jenayah penculikan dalam bahasa Arab.

Secara istilah, ia tidak lari daripada maksud yang diterangkan dalam perbahasan sebelum ini kerana para fuqaha tidak memberikan definisi khas bagi jenayah ini. Serentak dengan itu,

penentuan jenayah ini sebagai jenayah yang mengimplikasikan hudud, qisas dan takzir juga menjadi tanda tanya yang menjurus kepada penulisan kajian ini.

Hukum Jenayah Penculikan

Jenayah penculikan haram dalam Islam, kerana ia termasuk dalam perbuatan zalim yang diharamkan untuk dilakukan dan bercanggah dengan prinsip keadilan dalam Islam. Islam menekankan keadilan dan melarang segala bentuk kezaliman terhadap individu lain. Penculikan adalah satu bentuk kezaliman dan kekerasan yang melanggar hak asasi manusia. Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya”. (Surah An-Nahl: 90)

Dan Firman Allah SWT:

﴿وَقُتِلُواٰ فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتَلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُواٰ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِلِينَ﴾

Maksudnya:

“Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) ugama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan perperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh”. (Surah Al-Baqarah: 190)

Jenayah penculikan juga adalah satu pencerobohan atas kehormatan manusia dari aspek kemuliaan dirinya, harta dan maruahnya, ia jelas haram dan tidak boleh dilakukan kecuali dengan sebab yang syar’i. Nabi SAW bersabda dalam Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Sohib beliau (al-Bukhari, nd, Hadis No. 7078):

فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ، وَأَمْوَالَكُمْ، وَأَعْرَاضَكُمْ، وَأَبْشَارَكُمْ، عَلَيْكُمْ حَرَامٌ، كَحُرْمَةٍ يَوْمَكُمْ هَذَا، فِي شَهْرِكُمْ هَذَا، فِي
بَلَدِكُمْ هَذَا، أَلَا هُلْ بَلَّغْتُ

Maksudnya:

"Sesungguhnya darah kamu, harta kamu, kehormatan kamu, dan tubuh badan kamu adalah haram (terpelihara) atas sesama kamu, seperti haramnya hari kamu ini, dalam bulan kamu ini, di negeri kamu ini. Ingatlah, adakah aku telah menyampaikan (pesanan ini)?". (Riwayat al-Bukhari)

Motif jenayah penculikan mempengaruhi tingkat pengharamannya kerana niat pelaku berperanan dalam menentukan hukuman, ini kerana niat seseorang memainkan peranan kepada balasan yang diterimanya dan pembalasan bagi amalan seseorang adalah berkadar dengan kadar kejahatannya. Jika penculikan dilakukan dengan niat membunuh, pengharamannya lebih berat kerana pembunuhan diancam dengan seksaan neraka yang lebih lama.

﴿وَمَنْ يَقْتُلُ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خُلِداً فِيهَا وَغَضِيبٌ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعْنَهُ، وَأَعَدَ اللَّهُ عَذَابًا عَظِيمًا﴾

Maksudnya:

"Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya, dan melakanatkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar". (Surah An-Nisa: 93)

Dan dalam hadis (al-Bukhari, nd, Hadis No. 6878, Muslim, 1955, Hadis No. 1676):

لَا يَحْلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ، يَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا رَسُولَ اللَّهِ، إِلَّا بِإِحْدَى ثَلَاثٍ: النَّفْسُ بِالنَّفْسِ، وَالثَّبِيبُ
الزَّانِي، وَالْمَارِقُ مِنَ الدِّينِ التَّارِكُ لِلْجَمَاعَةِ.

Maksudnya:

"Tidak halal darah seorang Muslim yang bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah dan aku adalah Rasulullah, kecuali kerana salah satu dari tiga sebab: orang yang berzina yang telah menikah, nyawa dibalas nyawa, dan orang yang meninggalkan agamanya dan memisahkan diri dari jemaah." (Riwayat al-Bukhari Hadis No. 6878 dan Muslim Hadis No. 1676)

Penculikan diharamkan kerana ia menceroboh kehormatan manusia dari segi diri, harta, dan maruah, serta termasuk dalam larangan *tarwi'* iaitu menakut-nakutkan orang lain seperti mengacukan senjata kepada orang lain. Dalam Islam, *tarwi'* adalah haram, maka penculikan yang mengandungi elemen menakutkan mangsa dan masyarakat juga jelas haram. Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW mencela perbuatan *tarwi'*:

من أشار إلى أخيه بجديدةٍ فِي الْمَلَائِكَةَ تَلَعْنُهُ حَتَّى يَنْتَهِي وَإِنْ كَانَ أَخَاهُ لَأَبِيهِ وَأُمِّهِ

Maksudnya:

“Barang siapa yang mengacukan besi kepada saudaranya, maka para malaikat melaknatnya hingga dia berhenti, walaupun (orang itu) saudaranya seayah dan seibu”. (Riwayat Muslim Hadis No. 2616)

Takyif Jenayah Penculikan

Secara amnya, tiada nas yang menyebut jenayah penculikan termasuk dalam mana-mana jenayah hudud, oleh itu, *takyif* jenayah penculikan adalah perkara ijtihami dan kajian mendapati terdapat dua pendapat masyhur dalam penentuan jenayah penculikan ini antara kalangan ahli akademik Islam.

Pendapat 1: Penculikan adalah *Hirabah*

Jika diteliti, jenayah penculikan mempunyai ‘illah yang hampir sama dengan jenayah *hirabah*, salah satu jenayah Hudud. *Hirabah* merujuk kepada perbuatan menahan seseorang di tempat yang jauh dari bantuan, dengan menggunakan kelebihan kekuatan ke atas mangsa dengan tujuan membunuh, mendapatkan harta atau kombinasi kedua-duanya ataupun sekadar menakut-nakutkan (Syams al-Din al-Ramli, 1984). Jenayah *Hirabah* termasuk dalam jenayah yang diwajibkan hudud ke atas pelakunya berdasarkan firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا جَرِؤُوا الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَن يُقْتَلُوا أَوْ يُصَابُوا أَوْ تُقْطَعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ
مِنْ خِلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ هُمُ الْخَرَقُ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ﴾

Maksudnya:

“Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar”. (Surah Al-Maidah: 33)

Perkataan *Hirabah* berasal daripada perkataan *haraba* yang bermakna mengambil harta seseorang dan meninggalkannya tanpa sesuatu. Para *mufassir* dan *fuqaha* berselisih pendapat

tentang siapakah *muharib* ini, al-Auza'ie, Imam Malik, Ibn Lahi'ah, al-Laith Bin Sa'ad dan al-Syafi'i berpendapat mereka adalah yang membunuh atau merampas harta di padang pasir ataupun di bandar dalam keadaan tidak boleh dibantu. Manakala Imam Abu Hanifah dan sahabatnya pula berpendapat ia hanya dianggap *hirabah* jika mereka memotong jalan di tempat-tempat sunyi (al-Tabari, nd).

Beberapa ahli akademik kontemporari, Farida Haid (2018) dan Abdul Wahhab Abdullah (2003) dan Hai'ah Kibar Ulama Saudi (1988) mentakrifkan jenayah penculikan sebagai jenayah *Hirabah* secara am tanpa melihat kepada motif penculikan, ini bermakna pelaku jenayah penculikan dikenakan hukuman yang sama seperti pelaku jenayah *hirabah* ataupun *muharib*. Ini mungkin kerana kedua jenayah tersebut mempunyai *illah* yang sama iaitu memerangi Allah dan Rasul-Nya dengan cara memerangi orang Islam dan melakukan kerosakan di atas muka bumi.

Jenayah penculikan mempunyai persamaan dengan jenayah *hirabah* kerana kedua-duanya menjelaskan keselamatan fizikal, kewangan, kebebasan, dan keselamatan mangsa. Namun, penculikan boleh dianggap lebih serius daripada *hirabah* kerana walaupun ia bermula dengan sekatan kebebasan, ia sering disertai dengan penderitaan fizikal, seksual, kewangan, dan psikologi. Implikasi penderitaan ini boleh berterusan sepanjang tempoh penahanan dan mungkin berlanjutan walaupun jenayah telah selesai serta menyebabkan trauma yang berpanjangan. Situasi ini menjadi lebih parah apabila penculikan berorientasikan seksual, berbeza dengan *hirabah* yang biasanya tidak melibatkan penahanan lama dan tidak memberi kesan psikologi sedalam penculikan.

Selain itu, penculikan berlaku melalui unsur paksaan, ancaman, atau dengan menggunakan tipu helah untuk menahan mangsa dan memindahkannya ke tempat lain. Ini berbeza dengan *hirabah*, yang tidak mewajibkan adanya unsur-unsur tersebut. Namun perbezaan ringkas ini tidaklah menyebabkan ianya tidak boleh diqiyaskan dengan jenayah *hirabah* kerana persamaannya *illah* sudah cukup untuk menyamakan kedua-duanya dari sudut hukum, malahan perbezaan ini menunjukkan penculikan lebih utama dikenakan hukuman *hirabah* kerana sifat tambahan yang ada padanya iaitu penambahan tempoh dalam penahanan

Terdapat juga ahli akademik seperti Ali Ahmad Yahya (2013) yang mengkategorikan penculikan sebagai *hirabah* jika ia dengan motif nyawa, harta ataupun seksual. Pendapat ini selaras dengan pandangan Imam Ibn al-Arabi yang meluaskan makna *hirabah* kepada jenayah memotong jalan dan merogol wanita (al-Dusuqi, nd).

Pendapat 2: Jenayah Penculikan adalah Takzir

Pendapat ini adalah pendapat fatwa Islamweb yang dikeluarkan pada 8-9-2014 , pendapat ini berdasarkan tiada nas yang jelas mengkategorikan penculikan sebagai jenayah yang dikenakan hukuman hudud, maka ia kekal dengan hukuman yang asal bagi mana-mana jenayah lain yang tiada hukuman ditetapkan iaitu hukuman takzir (Islamweb, 2014). Pendapat ini juga zahirnya selari dengan pendapat Kesatuan Ulama Sedunia pada tahun 2004 yang menetapkan penculikan adalah salah satu bentuk kezaliman dan penculik harus melepaskan mangsa.

Tarjih

Kajian ini cenderung mengatakan jenayah penculikan boleh ditakyifkan kepada jenayah *hirabah* dengan beberapa hujah, antaranya adalah keharusan qiyas dalam jinayat selari dengan Mazhab Syafi'i (al-Razi, 1997; 5:352), namun ia hanya boleh dikategorikan sebagai *hirabah* jika jenayah penculikan itu bermotifkan kewangan atau dengan tujuan membunuh, kerana jenayah *hirabah* yang dimaksudkan dalam ayat al-Quran sebelum ini adalah yang bermotifkan wang atau nyawa (al-Mawardi, 1999). Maka penculikan yang bermotifkan politik, seksual, dendam, perkahwinan paksa, penjagaan anak, ritual, fantasi dan delusi penculik tidak termasuk dalam jenayah *Hirabah*. Ini sesuai dengan kaedah usuliyah:

مَنْ لَمْ يَقُمْ بِهِ وَصْفٌ لَمْ يَجِدْ أَنْ يُشْتَقَّ لَهُ مِنْهُ اسْمٌ

Maksudnya:

“Sesiapa yang tiada sesuatu sifat pada dirinya, tidak boleh diberikan nama berdasarkan sifat itu kepadanya”.

Selari dengan kaedah ini, penculik yang tidak bermotifkan wang atau nyawa, tidak layak dianggap sebagai *muharib* kerana dia tidak melakukan perbuatan yang melayakkannya digelar sebagai *muharib*. Oleh itu qiyas ini hanya sah kepada penculikan yang bermotifkan harta dan nyawa sahaja, selain daripada motif ini adalah penculikan yang dikenakan takzir dan ditentukan hukumannya oleh pemerintah. Hal ini kerana jika kita mengambil keumuman lafaz dalam ayat 33 surah al-Maidah, semua jenis jenayah seperti mencuri, membunuh, merogol, mencederakan, meminum dan menjual arak, *qazaf*, *bughah* dan lain-lain boleh dikategorikan sebagai menyebarkan kerosakan atas muka bumi sedangkan majoriti berpendapat ianya bukanlah *hirabah* yang dimaksudkan ayat (al-Tobari, nd), oleh itu, apabila terbukti khususnya makna *hirabah* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut kepada perbuatan tertentu, kita tidak boleh menjadikannya umum kepada selain perbuatan tersebut melainkan dengan dalil. Menetapkan

hukuman yang tidak sepatutnya kepada orang yang tidak layak bukan keadilan, arahan untuk berlaku adil bukan sahaja dengan memberikan hak mangsa, akan tetapi merangkumi memberikan hukuman sewajarnya kepada pesalah, firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حَسِنٌ وَإِيَّاهُمْ ذِي الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya”. (Surah An-Nahl: 90)

Penetapan semua jenis penculikan sebagai *hirabah* juga menimbulkan keraguan adakah ianya termasuk dalam *hirabah* kerana *hirabah* yang masyhur dalam fiqah adalah yang melibatkan harta, nyawa atau menakut-nakutkan sahaja. Dan dengan keraguan ini, ia cukup untuk menafikan jenayah penculikan dengan motif selain di atas. Kata ‘Aisyah RA:

اذْرُوْا الْحُدُودَ عَنِ الْمُسْلِمِينَ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنْ وَجَدْتُمْ لِلْمُسْلِمِ مُهْرَجاً فَخَلُوا سَبِيلَهُ، فَإِنَّ الْإِمَامَ أَنْ يُخْطِئَ فِي الْعَفْوِ حَيْرَ لَهُ مِنْ أَنْ يُخْطِئِيهِ فِي الْعُقُوبَةِ

Maksudnya:

“Tolaklah hudud daripada orang Islam selagi mampu, sekiranya terdapat jalan keluar padanya maka ambillah jalan itu, sesungguhnya seorang pemimpin yang tersalah dalam memaafkan adalah lebih baik daripada tersalah dalam menjatuhkan hukuman”. (Riwayat al-Baihaqi Hadis No. 17057)

Selain daripada aspek motif, jenayah penculikan yang ingin dikategorikan sebagai *hirabah* juga perlu memenuhi elemen-elemen jenayah *hirabah* yang lain iaitu mangsa yang diculik itu mestilah jauh daripada bantuan dan si penculik mempunyai kekuatan (*syaukah*) ke atas mangsa (Zuhaili, nd). Kedua elemen ini merupakan elemen penting di mana jika seseorang mangsa itu berada di tempat awam yang memungkinkan pertolongan, ataupun mempunyai kekuatan yang

boleh mengalahkan penjenayah, jenayah itu secara automatik tidak boleh dianggap sebagai *hirabah*.

PENUTUP

Kesimpulannya, jelaslah bahawa penculikan bukan jenayah yang biasa kerana ia adalah jenayah yang menjelaskan masyarakat secara keseluruhan. Penggubal undang-undang yang bertanggungjawab mestilah berusaha untuk menetapkan hukuman yang boleh menghalang penjenayah daripada melakukan jenayah penculikan ini dengan kembali kepada syariah Islam kerana ia merangkumi jenis jenayah dan hukuman yang terpakai pada setiap masa dan tempat. Penculik boleh disifatkan sebagai seorang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya, seorang perosak di bumi dengan membunuh manusia dan menganas, maka dengan itu dia boleh dikenakan had *hirabah* jika ia mempunyai motif nyawa atau harta dan elemen-elemen lain *hirabah*, penetapan hudud ini adalah untuk memelihara dan menjaga ketenteraman masyarakat kerana ia satu jenayah yang serius yang menjelaskan keselamatan fizikal manusia dan mengancam kebebasan dan keselamatan mereka.

RUJUKAN

- Abdul Wahhab Abdullah Ahmed Al Maamari (2012). *Jenayah Penculikan, Peruntukan Am Dan Khas Serta Jenayah Yang Berkaitan*. [Unpublished book].
- Afendi, S. (2023). *Tafsiran had umur pesalah muda kanak-kanak dari sudut fiqh dan perundangan malaysia*. jpi, 16(2), 122-136. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i2.270>
- Akta Penculikan 1961 (Akta 365). Retrieved from: <https://tcclaw.com.my/wp-content/uploads/2020/12/Kidnapping-Act-1961.pdf>
- Al-Baihaqi, A. bin al-H. (2003). *al-Sunan al-Kubra* (M. 'Abd Al-Qadir, Ed.). Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Bukhari, M. bin I. (n.d.). *Sohih al-Bukhari*. al-Sultoniyah.
- Al-Dasūqī, M. a. (n.d.). *Hāshiyat al-Dasūqī 'alā al-Shāhīt al-Kabīr*. Dār al-Fikr.
- Al-Māwardī, A. a. (1999). *Al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī wa Huwa Sharḥ Mukhtaṣar al-Muzanī* ('Alī Muḥammad Mu'adḍ, 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Majīd, tāḥqīq). (1st ed.). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qā'idī, 'A. A. Y. (2013). *Aḥkām Ikhtīrāf Al-Ashkhāṣ Wa-Wasā'il Al-Naql Fī Al-Shāfi'ah Al-Islāmiyyah (Dirāsah Muqāratah Bi-Al-Qānūnayn Al-Yamānī Wa-Al-Miṣnī)*. Majallat al-Buḥūth al-Qānūniyyah wa-al-Iqtisādiyyah, 3(54), 54.

- Al-Ramlī, Sh. a. (1984). *Nihāyat al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*. Dār al-Fikr.
- Al-Razi, F. a. (1997). *Al-Mahṣūl* (Dr. Ṭāhā Jābir Fayād al-‘Alwānī, taḥqīq). (3rd ed.). Mu’assasat al-Risālah. (al-ṭab’ah al-thālithah).
- Al-Ri’āsah al-‘Āmmah li-Idārāt al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da’wah wa al-Irshād. (1988). In *Majallat al-Buhūth al-Islāmiyyah* (Vols. 11).
- Al-Ṭabarī, A. J. (n.d.). *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān*. Dār al-Tarbiyah wa al-Turāth.
- Al-Zuḥaili, W. (n.d.). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. (4th ed.). Dār al-Fikr.
- Concannon, D. M. (2013). Political kidnapping. In *Encyclopedia of Forensic and Legal Medicine* (2nd ed., pp. 95-107). Elsevier. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-408065-2.00009-0>
- Concannon, D. M. (2013). Predatory kidnapping-adult victim. In *Encyclopedia of Forensic and Legal Medicine* (2nd ed.). Elsevier. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-408065-2.00004-1>
- Farida Haid (2018). *‘Uqabah al-Ikhtīaf fi al-Syāriah al-Islāmiyah*. Majallah Afaq lil Ulum. Universiti Al-Jelfah.
- Fitzgerald, J., & People, J. (2006). Victims of abduction: Patterns and case studies. BOCSAR NSW Crime and Justice Bulletins. <https://typeset.io/papers/victims-of-abduction-patterns-and-case-studies-4u9yjme38q>
- Hamby, S., Finkelhor, D., & Turner, H. A. (2013). *Perpetrator and victim gender patterns for 21 forms of youth victimization in the national survey of children’s exposure to violence*. Violence & Victims, 28(6), 1063-1078. <https://typeset.io/papers/perpetrator-and-victim-gender-patterns-for-21-forms-of-youth-5edhnptb7u>
- Hamid, A. and Dollah, R. (2021). *Ancaman penculikan untuk tebusan di pantai timur sabah, malaysia: peranan angkatan tugas bersama 2 (ATB2)*. Journal of Strategic Studies & International Affairs, 1(1). <https://doi.org/10.17576/sinergi.0101.2021.03>
- Hamid, A. and Kamaruddin, Z. (2018). *International parental child abduction in the malaysian legal context: addressing issues and the way forward*. IIUM Law Journal, 26(2), 275. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v26i2.423>
- Hassan, N. and Minggo, M. (2022). *Pendidikan dan latihan vokasional di institusi pemulihara juvana: peningkatan peluang kerjaya dan pengurangan residivisme dalam kalangan pesalah muda*. E-Bangi Journal of Social Science and Humanities, 19(5). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1905.14>

Hukm al-Ikhtitof wa Ittikhaz al-Rahain. IUMS. 20 September 2004. Retrieved 23 July 2024
<https://iums.me/21478>

Ibn Manzūr, M. b. M. b. 'Alī, Abū al-Fadl, Jamāl al-Dīn. (1994). *Lisān al-'Arab (i-l-Yāzīj wa-jamā'ah min al-lughawiyīn, hawāshī)*. (3rd ed.). Dār Ṣādir.

Kanun Keseksaan Akta 574). Retrieved from:
<https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/penguatkuasaan/kanun-keseksaan-bm.pdf>

Kennedy, J., & Whitehouse, S. (1992). *Offenders who kidnap adult victims*. Journal of Forensic Psychiatry, 3(3), 467-476. <https://typeset.io/papers/offenders-who-kidnap-adult-victims-2sqoeqh7j>

Ko, A. (2013). *Psychological and psychiatric considerations in a kidnapped-for-ransom victim: A clinical case study*. IOSR Journal of Dental and Medical Sciences, 10(5), 1-5.
<https://doi.org/10.9790/0853-1050105>

Kunock, A. (2020). *Boko haram insurgency in Cameroon*, 796-814.
<https://doi.org/10.4018/978-1-5225-9869-5.ch045>

Liu, J., Francis, B., & Soothill, K. (2008). *Kidnapping offenders: Their risk of escalation to repeat offending and other serious crime*. Journal of Forensic Psychiatry & Psychology, 19(2), 164-179. <https://doi.org/10.1080/14789940701619178>

Malik, A. A., Asad, M., & Azeem, W. (2022). *The abduction, kidnapping, fornication, torturing killing minors and teen aged girls and smuggling to other places for nefarious illicit motives*. International Journal for Electronic Crime Investigation, 6(2), 192-202.
<https://doi.org/10.54692/ijeci.2022.060192>

Morewitz, S. J. (2019). *Kidnapping by Cesarean section and state-sponsored abduction of newborns*. In *Crime Classification Manual* (3rd ed., pp. 103-120). Springer.
https://doi.org/10.1007/978-1-4939-2117-1_8

Morewitz, S. J. (2019). Kidnapping: Carjacking and related crimes. In *Crime Classification Manual* (3rd ed., pp. 123-137). Springer. https://doi.org/10.1007/978-1-4939-2117-1_11

Muslim, M. B. al-H. (1955). *Sohih Muslim* (F. 'Abd Al-Baqi, Ed.). Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladihi.

Newton, M. (2002). *The Encyclopedia of Kidnapping*. Retrieved from
<https://typeset.io/papers/the-encyclopedia-of-kidnapping-4rtnirmldipi>

- Noor-Mohamed, M. (2013). *The definitional ambiguities of kidnapping and abduction, and its categorisation: the case for a more inclusive typology*. The Howard Journal of Criminal Justice, 53(1), 83-100. <https://doi.org/10.1111/hojo.12028>
- Ologele, I. and Abolaji, G. S. (2022). *Psychosocial factors influencing pupils kidnapping as perceived by primary school teachers*. Indonesian Journal of Elementary Teachers Education, 3(2). <https://doi.org/10.25134/ijete.v3i2.6589>
- Ordoñez, Y. J., Estudiante de Ingeniería Industrial, Fernanda, L., Toro Ocampo, E. M., & Ingeniera Industrial. (2008). *Continuous Markov chains applied to kidnapping statistics in Colombia*. Retrieved from <https://typeset.io/papers/continuous-markov-chains-applied-to-kidnapping-statistics-in-3t7tx3nn77>
- Oyewole, S., & Ekpo, C. E. (2024). Kidnapping for rituals in Nigeria. In *Advances in African Economic, Social and Political Development*. Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-031-47168-1_9
- Sabri, A. A. and Yusof, W. (2022). *Sabitan dan hukuman berkaitan pemandu mabuk menurut hukum syarak conviction and punishment related to drunk drivers according to islamic law*. Journal of Contemporary Islamic Law, 1(1). <https://doi.org/10.26475/jcil.2022.7.1.07>
- Salleh, A. (2015). *Parental child abduction in malaysia: is everything right with our domestic laws?*. IIUM Law Journal, 23(2). <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v23i2.202>
- Shafer, A., & Looney, B. (2018). *Victim profiles: Direct and indirect effects of anecdotes and responsibility attribution on support for sex trafficking victims*. Journal of Human Trafficking, 4(2), 117-135. <https://doi.org/10.1080/23322705.2018.1423444>
- Soothill, K., Francis, B., & Ackerley, E. (2007). *Kidnapping: A criminal profile of persons convicted 1979-2001*. Behavioral Sciences & The Law, 25(1), 65-78. <https://doi.org/10.1002/BSL.684>
- Surtees, K., Tankebe, J., & Bland, M. (2019). *Tracking kidnappings in London: Offenders, victims and motives*. Cambridge Journal of Evidence-Based Policing, 3(3-4), 183-198. <https://doi.org/10.1007/S41887-019-00036-W>
- Tzanelli, R. (2006). *Capitalizing on value: towards a sociological understanding of kidnapping*. Sociology, 40(5), 929-947. <https://doi.org/10.1177/0038038506067516>

Uqubah al-Khatif wa man yu’inuhu ‘ala al-Khatf. Islamweb. 8 September 2014. Retrieved 23 July 2024.
<https://www.islamweb.net/ar/fatwa/267082/>

Zahir Jaffer awarded death sentence in Noor murder case. The Tribune. 24 February 2022.
Retrieved 22 July 2024. <https://tribune.com.pk/story/2345083/zahir-jaffer-awarded-death-sentence-in-noor-murder-case>

Zakaria, Z. and Nasohah, Z. (2019). *Cabaran pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di negeri melaka.* Malaysian Journal of Syariah and Law, 7(2), 13-26.
<https://doi.org/10.33102/mjsl.v7i2.188>